



PEMENANG bergambar kenangan selepas tamat kejohanan.

Sekolah Tinggi Lelaki Melaka tiada tandingan

Kuala Lumpur: Pasukan Sekolah Tinggi Lelaki Melaka muncul juara edisi kedua Kejohanan Hoki 5 Sebelah Universiti Putra Malaysia (UPM) di Stadium Pantai, kelmarin.

Pada aksi final, mereka menewaskan Star Klang A 3-1.

Dalam kategori wanita pula, gelaran milik Sekolah Sukan Kuala Lumpur A

yang menewaskan Sekolah Tinggi Convent Bukit Nenas 4-1.

Sebanyak 24 pasukan membabitkan pasukan lelaki serta wanita bawah 16 tahun menyertai saingan kali ini.

Naib Canselor UPM Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlian menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.